



KOMITMEN
BANTERAS RASUAH



**MALAYSIA
DIIKTIRAF**

05

SPRM Cadangkan
Penambahbaikan Di
Lima Agensi

10

Persepsi Negatif:
Penghalang Usaha
Membanteras
Rasuah

12

Melaka Negeri Pertama
Ambil Langkah Proaktif
Mempromosi Amalan
Integriti



Sidang REDAKSI

PENERBIT

Tan Sri Abu Kassim Mohamed

PENERBIT EKSEKUTIF

Datuk Sutinah Sutan

PENASIHAT EKSEKUTIF EDITORIAL

Datuk Shamsun Baharin Mohd Jamil

KETUA EDITORIAL

Samsul Salip

EDITOR

Muhammad Yusof Bahir

WARTAWAN

Faridah Mahabob

Norrita Yaakob

KETUA REKABENTUK GRAFIK

Lee Cheng Teik

UNIT FOTO

Rosman Abu Bakar

Muhammad Multazam Mohd Shuhaini

UNIT PENGEDARAN

Azizi Arifin

Azreenza binti Ahmad

Buletin SPRM diterbitkan oleh Seksyen Penerbitan, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan berkonsepkan "Informasi Dikongsi Rasuah Dihindari". Artikel-artikel dalam buletin ini hanyalah pandangan peribadi penulis, bukan dasar atau kenyataan rasmi SPRM dan tiada kaitan dengan mana-mana pihak.

Buletin ini diedarkan secara percuma kepada sektor kerajaan, badan berkanun, swasta dan perpustakaan IPTA/ IPTS seluruh negara.

BULETIN SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

kandungan

KANDUNGAN/ SIDANG REDAKSI	02
PENA PENGARANG	03
Komitmen Banteras Rasuah: Malaysia Diiktiraf	04
SPRM Cadangkan Penambahbaikan di Lima Agensi	05
Akta SPRM Dipinda Untuk Kekang Ketirisan Dan Ketidapatuhan	06
Perlu Wujud Undang Undang Liabiliti Korporat: Datuk Sutinah	07
Lensa SPRM	08
Persepsi Negatif: Penghalang Usaha Memerangi Rasuah	10
Dari Pulau Ketam Ke LCCT	11
Melaka Negeri Pertama Ambil Lima Langkah Proaktif Mempromosi Amalan Integriti	12
<i>Walk of Corruption</i> Sempena Hari Anti Rasuah Sedunia	13
Wartawan Dihargai di Malam Penghargaan Media 2013	14
TIDBITS	15

PERCETAKAN Info Meditasi Sdn. Bhd. No. 44, Jalan Seri Aman, Taman Seri Aman, Cheras, 43200, Cheras, Selangor, 43200, Malaysia
TEL 03-9074 9550 **FAKS** 09-9074 9550 **PENERBIT/ PENGEDAR/ PROMOSI** Seksyen Penerbitan, Bahagian Pendidikan Masyarakat, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia Aras 4, Blok D6, Kompleks D, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Peti Surat 6000, 62007 Putrajaya.

RASUAH DIPERANGI DI SELURUH DUNIA

Kesungguhan pelbagai pihak termasuk agensi swasta menandatangani Ikrar Integriti Korporat secara sukarela menunjukkan wujudnya kesedaran di kalangan rakyat. Jika senario ini berterusan, misi menjadikan Malaysia sebuah negara bebas rasuah bukanlah sesuatu yang mustahil.

9 Disember dipilih sebagai Hari Anti Rasuah Antarabangsa. Tarikh yang ditetapkan oleh Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu itu memberi isyarat bahawa dunia sebenarnya memahami akibat buruk rasuah yang berleluasa kepada masyarakat dan negara di seluruh dunia.

Kebanyakan negara di dunia sepakat menjadikan tarikh itu sebagai peringatan bagi tujuan meningkatkan kesedaran awam, selain menyatakan wujudnya usaha menentang dan memerangi rasuah yang jelas memberi kesan kepada peradaban manusia.

Rasuah wujud sejak zaman kebesaran kerajaan romawi dan terus subur dalam setiap aspek kehidupan manusia hingga sekarang, berlaku sejak belasan abad yang lalu, terus berjangkit dari generasi ke generasi seolah-olah perlakuan ini satu tindakan yang baik yang harus diamalkan, diikuti dan dicontohi sehingga menjadi sebuah budaya yang mudah meresap dalam kebanyakan masyarakat dan negara di dunia ini.

Malah di sesetengah negara atau syarikat-syarikat perniagaan ternama, amalan rasuah disistemkan dalam segala urusan kerana ia menguntungkan sekelompok manusia tertentu.

Hakikatnya, apa pun penerimaan dan tanggapan sesebuah masyarakat, perbuatan rasuah adalah salah. Rasuah adalah ibu kepada segala jenayah. Rasuah yang berleluasa membawa kesengsaraan kepada rakyat dan negara keseluruhannya.

Sejarah membuktikan, beberapa kerajaan yang begitu gagah dengan pemerintahan kuku besi suatu ketika dahulu turut tumbang apabila rakyat bangkit menentang semata-mata kerana tidak puas hati dan muak dengan gejala rasuah.

Di negara kita, jika tidak dikawal rasuah akan menyebabkan jenayah lain berkembang

subur. Penjenayah bebas melakukan jenayah, dadah bebas diedar di pasaran, diesel terus diseleweng, hutan terus ditebang sewenang-wenangnya, nelayan asing menguasai perairan negara.

Pendatang asing bebas keluar masuk tanpa mengikuti prosedur yang betul dan melakukan jenayah menjadikan rakyat merasa takut dan tidak selamat. Kehadiran mereka menimbulkan ketidakselesaan, jangkitan penyakit dan budaya yang tidak sesuai.

Apa pun, di negara ini pelbagai inisiatif anti rasuah dilaksanakan dengan gigih. Tiada kompromi terhadap rasuah. Tiada yang terkecuali dari tindakan undang-undang bagi mana-mana orang yang melakukan jenayah itu. Tindakan akan diambil seadil-adilnya walaupun ada pihak yang sentiasa ragu-ragu dan melemparkan pelbagai tuduhan dan persepsi negatif.

Seterusnya undang-undang sedia ada yang kurang berkesan akan dipinda bagi mengekalkan tadbir urus baik terus cemerlang menjunjung amanah, dan kebertanggungjawaban di kalangan penjawat awam terutamanya bagi pembuat keputusan.

Perubahan kedudukan dari tempat ke-54 tahun lepas ke tangga 53 dengan mata CPI juga bergerak perlahan daripada 49 ke 50, tidak begitu membanggakan, namun ia permulaan yang positif.

Justeru, marilah kita bersama-sama membanteras rasuah. Menyumbat mereka yang melakukan rasuah ke penjara tidak akan berkesudahannya.

Yang penting ialah wujudnya kesedaran dalam diri ahli-ahli politik, ahli-ahli lembaga pengarah, ketua-ketua jabatan, kakitangan awam, badan bukan kerajaan dan masyarakat awam.



Datuk Shamsun Baharin Mohd. Jamil
Penasihat Eksekutif Editorial

KOMITMEN BANTERAS RASUAH MALAYSIA DIIKTIRAF



Tan Sri Abu Kassim Mohamed dilantik sebagai Naib Presiden International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA) di persidangan tahunan ke-tujuh persatuan itu pada 22 hingga 24 November.

PANAMA CITY – Pelantikan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Abu Kassim Mohamed sebagai **Naib Presiden International Association of Anti-Corruption Authorities (IAACA)** di persidangan tahunan ke-tujuh persatuan itu pada 22 hingga 24 November lalu, merupakan pengiktirafan terbaru kepada beliau dan negara.

Malaysia merupakan antara negara yang menjadi ahli pengasas penubuhan IAACA di Vienna pada April 2006. Ia ditubuhkan bagi menggalak dan menyokong pelaksanaan konvensyen Mengenai Rasuah Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNCAC) secara lebih berkesan. Pada masa ini IAACA dianggotai lebih dari 300 agensi anti rasuah dari seluruh dunia.

Pelantikan ini merupakan pengiktirafan kedua di peringkat antarabangsa. Pada 2012, Abu Kassim dilantik sebagai Timbalan Pengerusi Lembaga Pentadbir Akademik Pencegahan Rasuah (IACA), iaitu sebuah pusat pengajian tinggi anti rasuah di bawah naungan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu berpusat di Vienna.

Perkembangan terbaru ini menunjukkan pelbagai inisiatif pencegahan rasuah yang

dilaksanakan oleh SPRM dan kerajaan Malaysia, serta peranan aktif suruhanjaya ini bersama badan-badan anti rasuah antarabangsa mula mendapat perhatian pihak luar yang menyifatkannya sebagai agensi anti rasuah yang disegani di dunia.

Dari sebuah badan anti rasuah yang diangkat menjadi sebuah suruhanjaya bebas dengan mekanisme kawal selianya sendiri, SPRM dianggap satu contoh terbaik melaksanakan misinya secara telus dan profesional.

Transformasi yang dilalui berjaya memberi impak positif terhadap usaha-usaha pencegahan rasuah di Malaysia.

Kejayaan besar dalam banyak operasi yang dijalankan antaranya penyeludupan diesel, pemalsuan dokumen, penyelewengan projek pembangunan Wilayah Iskandar dan beberapa lagi kes jutaan ringgit melalui operasi bersepadu, berjaya membongkar seterusnya menguatkuasakan tindakan undang-undang terhadap mereka yang tidak berintegriti.

Peningkatan kadar sabitan kes kepada 85 peratus berbanding kurang 75 peratus pada tahun-tahun sebelumnya menandakan kerjasama di semua peringkat tugas pegawai

dari Bahagian Siasatan, Perisikan dan Pendakwaan semakin mantap.

Dari aspek pencegahan, pengenalan Ikrar Integriti Korporat menjadi inisiatif penting meningkatkan keyakinan pelabur dan menarik banyak pelaburan asing ke Malaysia. Sekaligus berlaku peningkatan positif dalam Kajian Persepsi Keberkesanan Tindakan SPRM seperti berikut:

- Tahap keyakinan masyarakat terhadap keberkesanan SPRM adalah 64% bagi tahun 2012 dan 65.8% sehingga 2013.
- Tahap sokongan masyarakat terhadap SPRM adalah 86.4% (2012) kepada 87.3% (Disember 2013).

Datuk Seri Najib Tun Razak ketika mengucapkan tahniah kepada Abu Kassim berkata, pelantikan itu merupakan pengiktirafan besar masyarakat antarabangsa terhadap usaha-usaha memerangi jenayah rasuah di negara ini.

Tahniah Tan Sri Abu Kassim atas pelantikan sebagai Naib Presiden IAACA. Satu pengiktirafan besar oleh masyarakat global terhadap usaha anti rasuah Malaysia. Kata beliau menerusi laman sosial Twitternya.



SPRM CADANGKAN PENAMBAHBAIKAN DI LIMA AGENSI

Wujudnya kelemahan dalam Prosedur Operasi Standard (SOP) pemberian kontrak kepada Pusat Fidlot Nasional (NFC), dikenalpasti hingga menimbulkan pelbagai dakwaan mengenai penyelewengan dana kerajaan dalam syarikat itu memerlukan Kementerian Kewangan menyediakan satu garis panduan yang standard bagi mengelak timbulnya persepsi negatif dan keraguan.

Pada masa sama, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani juga perlu mengkaji secara mendalam ketika memilih syarikat yang akan menjalankan sesuatu projek.

NFC adalah entiti korporat swasta yang dipilih kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran daging lembu tempatan bagi menjamin keselamatan pengeluaran makanan negara.

Itu adalah antara cadangan penambahbaikan terhadap Projek NFC yang terkandung dalam Laporan Tahunan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2012 yang diserahkan kepada Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah di Pejabat Yang Dipertua Dewan Negara, Tan Sri Abu Zahar Ujang di Parlimen pada 6 November lepas.

Laporan itu mencadangkan:

- Kementerian Kewangan perlu menyediakan satu garis panduan standard, jelas dan telus berhubung pinjaman mudah bagi mengelak timbulnya persepsi negatif atau keraguan.
- Kementerian Kewangan wajar menyediakan

kriteria yang jelas bagi menentukan jumlah sesuatu pinjaman mudah serta memastikan setiap permohonan dibentangkan di peringkat kabinet untuk kelulusan.

- Peranan, tanggungjawab dan terma rujukan Authorized Technical Committee (ATC) atau Authorized Technical Officer (ATO) perlu ditetapkan sebelum pelaksanaan projek dan dimaktubkan sebagai sebahagian daripada kontrak pelaksanaan.
- Kementerian Pertanian perlu membuat kajian secara mendalam sebelum memilih syarikat yang benar-benar kompeten bagi menjalankan projek NFC terutamanya dalam aspek kewangan dan pengalaman. Proses due diligence perlu dilaksanakan terhadap syarikat yang akan dipilih.
- Menyediakan garis panduan mengenai peranan dan tanggungjawab Ahli Lembaga Pengarah yang mewakili kerajaan dalam syarikat berkaitan kerajaan, syarikat milik kerajaan (GLC) dan syarikat Menteri Kewangan diperbadankan. Ini penting bagi memastikan mereka mengamalkan profesionalisme dalam menjaga kepentingan kerajaan dan rakyat.
- Semua anggota pentadbiran disaran mengisytiharkan kepentingan sekiranya ahli keluarga terdekat mereka mendapat kemudahan pinjaman daripada kerajaan.
- Memandorkan setiap projek kerajaan yang melibatkan rundingan terus, pinjaman mudah, geran dan lain-lain kemudahan

kewangan dibentangkan ke mesyuarat kabinet terutama yang melibatkan pentadbiran, keluarga atau sekutu mereka.

- Mewujudkan agensi yang dipertanggungjawabkan sebagai penyelaras secara khusus dan rasmi di kalangan agensi yang terlibat dalam projek berimpak tinggi. Agensi ini perlu memantau dan mengawal selia perkembangan dan perjalanan keseluruhan projek.
- Wujudkan satu standard dokumentasi selepas kelulusan dasar dibuat terutama yang melibatkan kepentingan negara dan rakyat.
- Membuat kajian pasaran secara komprehensif terhadap projek sebelum ia dijalankan bagi mengelak sebarang kesulitan semasa pelaksanaan. Kajian ini termasuk menjalankan penilaian dan pengurusan risiko. Ini bagi mengelakkan kerajaan daripada mengalami kerugian.
- Perincian dan klausa perjanjian pinjaman yang dibuat bagi pihak kerajaan perlu menjaga dan melindungi kepentingan kerajaan kerana dana yang dikeluarkan adalah daripada duit rakyat.
- Perjanjian induk yang ditandatangani mesti merangkumi perjanjian pinjaman dan perjanjian pelaksanaan bagi memudahkan pemantauan dan penyelarasan projek. Perjanjian induk ini akan mempunyai ikatan perundangan yang lebih kukuh.

Selain NFC, tiga penambahbaikan perlu dilaksanakan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur berhubung agihan petak khas bazar Ramadan, manakala tujuh penambahbaikan dicadangkan kepada pengurusan kewangan dan perolehan di Suruhanjaya Syarikat Malaysia.

Tiga penambahbaikan turut dicadangkan kepada prosedur tatatertib untuk Setiausaha Kerajaan (SUK) dan Pegawai Kewangan Negeri Kelantan, manakala Jabatan Perkhidmatan Veterinar disaran melakukan lima penambahbaikan bagi mengatasi kelemahan prosedur yang wujud dalam agensi terbabit.

Bagaimanapun syor penambahbaikan ini harus ada persetujuan bersama supaya tindakan sewajarnya dapat dilakukan selepas diberi khidmat nasihat. SPRM akan memantau secara berkala badan awam berkenaan selama tiga bulan selepas khidmat nasihat diberikan, enam bulan selepas cadangan dilaksanakan, satu tahun selepas dilaksanakan dan tiga tahun selepas semua cadangan dilaksanakan.

Kegagalan ketua badan awam melaksanakan cadangan-cadangan yang telah dipersetujui bersama, satu Laporan Ketidakpatuhan akan didedahkan kepada Ketua Pesuruhjaya SPRM bagi membolehkan tindakan undang-undang atau lain-lain tindakan pentadbiran diambil.

Langkah ini penting bagi mengelak ketirisan dana kerajaan terus berulang, selain memelihara kepercayaan umum terhadap kewibawaan kerajaan dalam menangani penyelewengan yang jumlahnya sering mencecah puluhan juta.



Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) mencadangkan Seksyen 23 dan Sekyen 36 Akta SPRM 2009 dipinda demi memperkasakan keberkesanan SPRM.

AKTA SPRM DIPINDA UNTUK KEKANG KETIRISAN DAN KETIDAKPATUHAN PROSEDUR

Yusof Bahir

Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR) mencadangkan Seksyen 23 dan 36 Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dipinda bagi memantapkan tugas-tugas membanteras rasuah di negara ini.

Pindaan ini penting memandangkan kedua-dua seksyen itu amat mudah dieksploitasi oleh mereka yang tidak bertanggungjawab terutamanya berkaitan isu pemberian kontrak, tender, tanah, perolehan atau sebagainya bertujuan memperjelaskan keperluan kesalahan menggunakan jawatan atau kedudukan terutamanya di kalangan anggota pentadbiran dalam memberi projek kepada ahli-ahli keluarga terdekat.

Pindaan Seksyen 23 membolehkan SPRM terus menyiasat pemilikan harta seseorang yang disyaki terlibat dengan perlakuan rasuah.

Pada masa ini SPRM tidak mempunyai kuasa untuk meminta mana-mana orang membuat pengisytiharan harta jika tiada siasatan terhadap individu terbabit. Pindaan juga perlu bagi Seksyen 36 iaitu berhubung kuasa memperoleh maklumat oleh SPRM.

Pengerusi JKMR Tan Sri Abu Zahar Ujang

berkata laporan tahunan jawatankuasa itu telah pun diserahkan kepada Datuk Seri Najib pada 3 November dan cadangan pindaan dijangka dibentangkan di Dewan Rakyat akan datang.

Perdana Menteri secara dasarnya bersetuju dengan cadangan pindaan itu.

Pindaan kedua-dua seksyen ini perlu bagi memantapkan membanteras gejala rasuah selain memohon Perdana Menteri dan Jabatan Peguam Negara mempercepatkan proses penubuhan Suruhanjaya Perkhidmatan Pencegahan Rasuah.

Penubuhan suruhanjaya perkhidmatan ini penting bagi memastikan SPRM melantik

pegawai-pegawai yang benar-benar cekap dan pakar dalam pelbagai bidang sejajar pola jenayah rasuah pada masa kini yang bersifat terancang dan bersindiket.

Beliau yang juga Yang Dipertua Dewan Negara berkata, pindaan Akta SPRM itu memerlukan sokongan Ahli Parlimen pembangkang yang mempunyai 89 kerusi bagi mendapatkan sokongan dua pertiga.

Selain Ahli Parlimen kerajaan, JKMR turut dianggotai wakil pembangkang iaitu Dr. Tan Seng Giaw dari DAP, Datuk Fauzi Abd Rahman dari PKR dan Datuk Takiyuddin Hassan dari PAS.



PERLU WUJUD UNDANG UNDANG LIABILITI KORPORAT: DATUK SUTINAH

“

Peniaga dan komuniti perniagaan antarabangsa melihat kepada tahap integriti dan tahap rasuah di dalam negara kita sebelum membuat pelaburan. Ini amat penting kerana dapat beri satu lonjakan dan suntikan dalam dunia perniagaan melalui peningkatan pelaburan asing di Malaysia.

”

LABUAN - Peruntukan perundangan berkaitan liabiliti korporat perlu bagi mewujudkan persekitaran perniagaan bebas rasuah, sekali gus membantu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) memerangi gejala rasuah secara menyeluruh.

Demikian ditegaskan oleh Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Pencegahan) SPRM, Datuk Hajah Sutinah Sutan semasa berucap pada Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat (CIP) bersama Asian Base Sdn. Bhd. (ASB) di sini pada 4 November lepas.

“Apabila semua syarikat swasta menandatangani CIP, kita akan lihat gelombang antirasuah di kalangan sektor swasta bersama SPRM memerangi rasuah,” kata beliau.

Beliau menegaskan, swasta merupakan

antara sektor berisiko tinggi berlakunya rasuah dan syarikat minyak dan gas juga diketahui merupakan salah satu sektor yang amat berisiko tinggi.

“Apabila berlaku perbuatan rasuah di sektor perniagaan ini, maka ia akan mengakibatkan pertambahan kos yang tidak perlu dalam menjalankan perniagaan, dan ini akan menyebabkan peningkatan harga barang (dan perkhidmatan),” kata beliau lagi.

Menurut Sutinah lagi, “adalah menjadi hasrat kerajaan dan hasrat SPRM apabila semua syarikat berjaya dalam usaha mencegah rasuah, maka kita akan akhirnya dapat wujudkan satu ‘corrupt free business environment’ di Malaysia.”

Pada sidang media kemudian, Sutinah berkata, sebanyak 287 entiti telah menandatangani CIP dengan SPRM.

Beliau melihat perkembangan itu sebagai satu gelombang anti rasuah di Malaysia dengan penzahiran komitmen sektor swasta dalam usaha pencegahan rasuah.

Antara yang menandatangani CIP sepanjang November dan Disember ini ialah sebuah syarikat sajian makanan antarabangsa, Lembaga Lebuhraya Malaysia, anak syarikat Kementerian Kewangan dan sepuluh agensi di bawah Kerajaan Negeri Melaka serta Persatuan Bolasepak Melaka.

Majlis turut dimeriahkan dengan kehadiran Ahli Parlimen Labuan, Rozman Datuk Haji Isli; Pengerusi Majlis Lembaga Penasihat Perbadanan Labuan, Senator Datuk Yunus Kurus; Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan, Datuk Nazri Osman dan Pengarah SPRM Labuan, Hasbillah Mohamad Salleh.

Pengarah Pemantauan & Penyelarasan NKRA Membanteras Rasuah, Datuk Hisham Nordin (tengah) dan Pengarah Bahagian Komunikasi Strategik, Tuan Azmi Alias (kanan) menyampaikan sijil penghargaan dan cenderamata kepada salah seorang wakil Berita Harian semasa Malam Penghargaan Media 2013.

Ketua Eksekutif MAS, Ahmad Jauhari Yahya menyampaikan ucapan beliau ketika berlangsungnya "Malaysia Airlines (MAS) Vendors Integrity Programme" di Akademi Malaysia Airline, Kelana Jaya pada 12 November 2013.



Pegawai dan kakitangan agensi kerajaan Negeri Melaka melafaz Ikrar dalam Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat pada 20 Disember yang lepas.



Pemantun-pemantun SPRM merakamkan gambar bersama wakil-wakil BMR di Auditorium P. Ramlee, Angkasapuri, Kuala Lumpur selepas Program Berbalas Pantun SPRM/BMR 2013 pada 3 Disember lepas.



Pembentangan Laporan Tahunan JKMR 2012 Di Parlimen disusuli dengan sesi sidang media oleh Pengerusi Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), Tan Sri Abu Zahar Ujang (dua dari kanan). Turut diiringi oleh Dr. Tan Seng Giaw (tiga dari kiri).

Perasmian Kompleks SPRM Negeri Melaka telah disempurnakan dengan jayanya oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Abu Kassim (tengah) pada 19 Disember 2013. Turut hadir semasa majlis perasmian tersebut termasuklah Pengarah Kanan Cawangan Kerja Bangunan Am, Datuk Ar. Prof. Dr. Amer Hamzah bin Mohd Yunus (dua dari kiri) ; Timbalan Ketua Pesuruhjaya Operasi, Dato' Sri Haji Shukri bin Abdull (kanan); Timbalan Ketua Pesuruhjaya, Pengurusan dan Professionalisme, Datuk Haji Zakaria bin Jaffar (tiga dari kanan) dan Pengarah SPRM Melaka, Tuan Salim Bin Ahmad (kiri).



Datuk Seri Najib bersalaman dengan ahli-ahli tiga panel bebas semasa berlangsungnya Majlis Penyerahan Surat Lantikan Panel Penilaian Operasi (PPO), Jawatankuasa Aduan (JA) dan Panel Perundingan Pencegahan Rasuah (PPPR) pada 18 Disember 2013 di Bangunan Perdana Putra, Putrajaya.



Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat, Datuk Shamshun Baharin (kanan) memberi penerangan kepada wakil-wakil dari Komisi Pemberantasan Korupsi Indonesia (KPK) semasa kunjungan mereka ke Galeri SPRM.



Sebahagian peserta yang mengikuti Program Anti-Corruption and Forest Governance Walk pada 07 Disember lepas.



Antara peserta yang mengikuti aktiviti Paintball semasa Hari Terbuka Akademi Pencegahan Rasuah Malaysia (MACA) di Jalan Duta.

Dimana-mana negara pun di dunia ini, menegakkan kebenaran dan melaksanakan undang-undang khususnya yang berkaitan dengan jenayah, akan sentiasa berhadapan dengan cabaran dan kesukaran.

Bagi pelbagai agensi penguatkuasa yang diberi kuasa menguatkuasakan undang-undang, senarionya adalah sama. Anggotanya bukan sahaja berhadapan dengan pelbagai kesukaran dalam membuktikan berlakunya sesuatu jenayah, bahkan berdepan dengan cercaan, ugutan dan ancaman.

Begitu juga halnya dalam menangani jenayah rasuah, selain cercaan dan ketidakpercayaan khalayak terhadap kemampuan agensi yang menjalankan tanggungjawab, persepsi negatif menjadi satu lagi musuh kepada misi memerangi jenayah itu.

masing-masing.

Dan sebagai sebuah agensi yang dipertanggungjawabkan melaksanakan undang-undang pencegahan rasuah, SPRM tidak terkecuali dari serangan persepsi negatif ini. Dikritik dan dikecam kononnya tidak telus, pilih bulu, tidak profesional dan sebagainya. Persepsi yang diapikan oleh mereka yang sebenarnya bukan memperjuangkan kepentingan rakyat, tetapi kepentingan peribadi.

Ini menyukarkan keadaan. Sebab itu, SPRM yang bersusah payah menangani masalah rasuah di kalangan anggota pentadbiran suatu ketika dahulu pernah terjejas teruk sehingga apa juga tindakan yang diambil oleh agensi ini terus dipersoalkan.

Persepsi negatif sebenarnya merugikan semua pihak. Ia menjadi penghalang kepada usaha membanteras rasuah.

kerajaan mula memperlihatkan kesungguhan untuk bersama memerangi rasuah.

Bahkan sudah sampai masanya masyarakat juga berpersepsi baik. Bijak untuk menilai antara yang benar dengan yang palsu, menyelidik setiap fakta yang diberi dan tidak menerima begitu sahaja setiap berita yang diterima, terutamanya dari mereka yang licik memanipulasi sesuatu isu demi kepentingan peribadi.

Bebaskan minda kita dari penjajahan persepsi negatif dan penipuan. Sebaliknya warga Malaysia tidak kira siapa pun kita perlu bersatu dan bangkit memerangi rasuah. Beri sokongan kuat supaya rasuah boleh dikawal walau pun tidak dapat dihapuskan seratus peratus.

Rasuah adalah racun dan barah yang menjejaskan pembangunan dan kesetabilan negara. Ibu kepada segala jenayah. Rasuah menggalakan aktiviti



Persepsi negatif: Penghalang Usaha Membanteras Rasuah

Muhammad Yusof Bahir



Kecanggihan teknologi dan kepantasan maklumat yang disebarkan melalui pelbagai media, menjadikan perkara yang paling sukar untuk diurus kini ialah persepsi. Apatah lagi yang berkait secara langsung dengan kepentingan awam.

Segelintir masyarakat kita amat mudah percaya kepada khabar angin dan fitnah yang disebarkan. Malah cepat membuat kesimpulan, dengan apa yang didengar sering disalah tafsir dan dianggap sebagai benar yang akhirnya sebat dalam ruang persepsi walau pun tanpa asas yang kukuh.

Akhirnya, persepsi berupaya membentuk pemikiran, pegangan dan keputusan terutamanya ketika berhadapan dengan sesuatu krisis. Maka jadilah ia penjajahan minda yang menjadi punca masyarakat sukar mengubah persepsi negatif terhadap sesuatu perkara. Penjajahan minda yang menjadikan masyarakat menerima dan mempercayai apa sahaja cerita yang disogok kepada mereka.

Kegilaan memutarbelitkan fakta, mengkritik, membuat kecaman dan sevenang-wenanganya mengeluarkan kenyataan terhadap usaha membanteras rasuah atau jenayah lain oleh mereka yang ingin mengaut keuntungan politik, menjadikan masyarakat mempunyai persepsi pelbagai dan bercelaru mengikut fahaman politik

Persepsi sedemikian menyebabkan anggota masyarakat lebih suka berdiam diri. Orang ramai akan beranggapan melaporkan kes rasuah hanya sia-sia kerana tidak ada tindakan selanjutnya. Ini menjadikan proses memerangi rasuah menjadi lebih sukar.

Namun semua ini menjadi cabaran kepada SPRM. Malah menjadi tugas sukar yang terpaksa dipikul oleh suruhanjaya ini untuk mengembalikan keyakinan dan mengubah persepsi masyarakat tentang komitmen mencegah rasuah. Maka itu, pelbagai usaha telah pun dilakukan selaras dengan Aspirasi SPRM 2010 iaitu 'Meningkatkan keyakinan dan memperbaiki persepsi masyarakat Malaysia dan antarabangsa ke atas keberkesanan SPRM dalam pencegahan rasuah berasaskan prinsip Bebas, Telus dan Profesional.

Walaupun sukar tetapi bukan mustahil untuk dicapai. Persepsi boleh tangani dan diurus dengan baik. Secara berhemah dan sabar. Rakyat akan menerima sekiranya mereka faham dan mengetahui perkara yang sebenar.

Hari ini tanda-tanda positif itu sudah mula dirasai. Komitmen kerajaan membanteras rasuah semakin menjadi perhatian umum. Parti-parti politik baik kerajaan mahupun pembangkang, agensi kerajaan, swasta dan pertubuhan-pertubuhan bukan

kongsi gelap, penyelewengan diesel, penipuan bekalan, pengedaran dadah, pelacuran dan pemerdagangan manusia, kebanjiran pendatang tanpa izin dan seribu macam lagi jenayah yang menyebabkan ketidakelesaan, ketakutan, kebimbangan dan rasa tidak selamat di kalangan rakyat.

Membanteras rasuah bukan sesuatu yang sukar sekiranya wujud kesungguhan semua pihak terutamanya orang awam, ahli perniagaan, kalangan industri, pertubuhan bukan kerajaan dan ahli politik. Rasuah sifar dapat dicapai sekiranya setiap rakyat Malaysia menolak, membenci dan tidak mengamalkan rasuah.

Buangkan jauh-jauh persepsi negatif yang tidak berlandaskan realiti semasa. Yakinlah kepada kebebasan dan ketelusan SPRM yang dipantau oleh Jawatankuasa Khas Parlimen Mengenai Rasuah, Lembaga Penasihat Pencegahan Rasuah, Jawatankuasa Aduan, Panel Penilaian Operasi dan Panel Perundingan.

Percayalah, SPRM akan terus meningkatkan keberkesanan, kecekapan, kebebasan dan ketelusannya. Merubah keseluruhan sistem operasinya dan sedang bergerak untuk menjadi suruhanjaya anti rasuah yang profesional sekali gus menangkis persepsi negatif terhadap kredibilitinya.

DARI PULAU KETAM KE LCCT

Yob Keedare

Kalaulah tidak kerana Norazita Abu Talib, pegawai operasi AmBank ditembak mati dalam satu rompakan oleh seorang pengawal keselamatan warga asing pada 23 Oktober lalu, rasanya bukan sahaja sebahagian besar rakyat Malaysia, malah kebanyakan agensi penguatkuasa pun tidak sedar wujudnya begitu ramai pendatang asing tanpa izin yang memiliki kad pengenalan palsu.

Mudahnya mereka masuk! dan mudah pula dapat kad pengenalan. khabarnya dengan harga antara RM200 hingga RM600 sahaja. Murahnyalah nilai kad pengenalan kita

Sebaik memiliki kad pengenalan, mudah pula mereka dapat kerja sebagai pengawal keselamatan. Syarikat-syarikat keselamatan pula tiada masa meneliti latarbelakang pemohon. Dan tanpa rasa curiga, pemegang kad pengenalan palsu ini ditugaskan di sektor berisiko tinggi seperti institusi perbankan dan stor senjata api syarikat-syarikat keselamatan terbabit.

Persoalannya bagaimana dan berapa ramai orang asing dari pelbagai negara ini telah memasuki negara kita?. Jeti Pulau Ketam di Pelabuhan Klang pernah mendedahkan kemusykilan ini. Pada 2011, lapan pegawai Imigresen yang ditugaskan di pintu masuk di jeti itu pernah didakwa menerima rasuah sebagai upah kerana memudahkan urusan pendatang dari Indonesia memasuki negara ini tanpa mengikut syarat sah. Bantuan pencerobohan oleh pegawai Imigresen yang tamak ini berlaku

sekitar April hingga September 2010.

Dalam tempoh itu, atau tempoh-tempoh sebelumnya, entah berapa ramai yang telah dibenarkan masuk hanya dengan membayar wang rasuah antara RM70.00 hingga RM100.00.

Melalui risikan oleh SPRM Selangor ketika itu, setiap hari dianggarkan 1,000 hingga 1,500 pendatang asing tanpa izin masuk ke negara ini tanpa mengikuti prosedur pemeriksaan Imigresen. Mungkinkah La Ode Ardi Rasila yang menggunakan nama Ardi Hamza dalam kad pengenalan palsunya yang kemudian melepaskan tembakan dalam bank dan melarikan wang tunai RM450,000 merupakan salah seorang daripada ribuan orang asing yang masuk melalui Pulau ketam.

Tangkapan ke atas beberapa orang pegawai Imigresen yang tamak ketika itu meredakan keadaan. Buat sementara waktu, jeti Pulau Ketam bukan lagi kawasan panas yang menjanjikan laluan istimewa kepada pendatang tanpa izin dari negara-negara jiran.

Malangnya kecurangan segelintir pegawai Imigresen yang tidak berintegriti ini berlaku lagi, kali ini di Terminal Tambang Murah (LCCT).

Susulan maklumat yang disalurkan sendiri Ketua Pengarah Imigresen, Datuk Alias Ahmad berikutan banyaknya aduan awam, pemantauan dan pemerhatian selama enam bulan oleh SPRM berjaya memberkas empat pegawai Imigresen dan dua agen pekerja asing

warga Indonesia di LCCT.

Kesudahannya, di Mahkamah Sesyen Shah Alam, dua pegawai Imigresen dan seorang warga Indonesia mengaku bersalah dan menerima hukuman.

Salah laku mereka serius. Dengan mengamalkan rasuah, mereka mungkin hidup mewah, mampu memiliki kereta dan rumah besar, hidup berpoya-poya atau menabung ratusan ribu ringgit.

Namun perbuatan mereka mengancam keselamatan negara, menjejaskan kesejahteraan hidup rakyat, meningkatkan kadar jenayah seterusnya memaksa pegawai-pegawai Imigresen dan anggota agensi penguatkuasa yang lain bersengkang mata melakukan serbuan demi serbuan bagi memastikan rakyat benar-benar selamat.

Jika pendatang asing yang kebanyakannya kurang pendidikan dan tidak bertalarbelakangkan tentera begitu mudah menyusup masuk ke negara kita, ini menunjukkan kita masih lemah dari segi kawalan sempadan dan penguatkuasaan peraturan.

Sebarang kegagalan menangani akan menyebabkan lambakan pendatang tanpa izin yang jika tidak dikawal akan menjadi ancaman besar kepada keselamatan Negara selain mewujudkan ketidakelesaan dan saingan dalam pelbagai sektor yang sepatutnya menjadi milik warga tempatan.

MELAKA Negeri Pertama Ambil Lima Langkah Proaktif Mempromosi Amalan Integriti



Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Haji Abu Kassim Mohamed menyampaikan ucapan beliau sempena Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Bil 12/2013 dan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat pada 20 Disember yang lepas.

MELAKA, 20 Disember - Kerajaan Negeri Melaka menjadi kerajaan negeri pertama yang memberi komitmen untuk membuat lima perubahan dalam pentadbirannya demi meningkatkan integriti agensi perkhidmatan awam di negeri ini khususnya anak syarikat Kerajaan Negeri Melaka.

Pengumuman tersebut dibuat oleh Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Ir. Hj Idris Harun semasa berucap dalam Majlis Perhimpunan Bulanan Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka Bil 12/2013 dan Majlis Menandatangani Ikrar Integriti Korporat di sini pagi ini yang disaksikan oleh Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Tan Sri Hj Abu Kassim Mohamed.

Dalam majlis yang dihadiri hampir seribu hadirin terdiri daripada pegawai dan kakitangan agensi di negeri ini, beliau menjelaskan bahawa Ikrar Integriti Korporat (Corporate Integrity Pledge, CIP) oleh sepuluh agensi di bawah Kerajaan negeri serta Persatuan Bola Sepak Negeri Melaka ini adalah langkah pertama yang akan diperkenalkan bagi memastikan kerajaan negeri sentiasa meletakkan integriti dalam melaksanakan setiap pekerjaan.

Tambahnya, "saya anggap ini langkah pertama ke arah keberhasilan suasana kerja yang penuh dengan ketelusan dan integriti. Saya berpegang kepada konsep perjalanan seribu batu bermula dengan langkah pertama dan ini langkah pertama dengan kita ada 10 agensi dan paling istimewa kita juga ada Melaka United Soccer Association (MUSA)".

Sepuluh agensi terbabit ialah majlis Bandaraya Melaka Bersejarah, Majlis Perbandaran Alor Gajah, Majlis Perbandaran Jasin, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya, Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka, Yayasan Melaka, Majlis Agama Islam Melaka, Perbadanan Pembangunan Sungai dan Pantai Melaka, Syarikat Air Melaka Berhad, Putra Specialist Hospital dan Melaka United Soccer Association (MUSA).

Menurut Idris, langkah pertama yang akan diperkenalkan adalah setiap agensi yang menandatangani ikrar tersebut akan melatih seorang Certified Integrity Officer (CeIO) dan mereka akan dihantar berkursus di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

"Apabila mereka pulang (tamat) latihan seperti pegawai agensi Yayasan Melaka selepas dilatih, mereka tidak akan bertugas di Yayasan Melaka sebaliknya bertugas di Perbadanan Kemajuan Negeri Melaka. Kita akan latih mereka ke arah menjadi pegawai yang mempunyai pengetahuan, kepakaran dan informative tentang kegiatan pencegahan rasuah", tambahya.

Beliau juga mengisytiharkan langkah seterusnya iaitu semua bilik pegawai di Jabatan Ketua Menteri akan dipantau dengan kamera litar tertutup (CCTV) yang bertujuan mengenalpasti kehadiran pegawai, aktiviti pegawai di waktu pejabat dan kegiatan pegawai semasa waktu bekerja. Agensi lain juga disyorkan melaksanakan pemasangan CCTV dan dipantau oleh Ketua Jabatan masing-masing.

Ketiga, beliau mengarahkan semua hadiah yang diterima oleh semua pegawai Jabatan Ketua Menteri yang diterima atas sifat jawatan rasmi perlu diisytiharkan kepada Ketua Jabatan. Bagaimanapun, sumbangan bersifat peribadi adalah dikecualikan.

Keempat, mana-mana pegawai yang mempunyai isteri atau suami sebagai pembekal atau kontraktor tidak dibenarkan berurusan dengan jabatan yang mana suami atau isteri mereka bertugas.

"Suami tidak boleh memperakukan kerja-kerja yang dilakukan oleh isteri dan sebaliknya, langkah ini adalah pertama seumpamanya yang dilaksanakan oleh mana-mana kerajaan negeri. Saya memulakan dengan suami/isteri dan pada masa hadapan akan dilanjutkan kepada saudara terdekat, Setiausaha Kerajaan Negeri akan mengeluarkan arahan segera bagi pelaksanaan arahan ini," jelasnya.

Menurut beliau, perkara tersebut biasa menjadi amalan di negeri ini walaupun belum di tahap serius. Pada masa sama, beliau menjelaskan bahawa bagi mengekang perkara tersebut daripada berterusan, kerajaan negeri perlu menyediakan peraturan dan arahan kerana amalan ini boleh menimbulkan suasana kerja yang tidak sihat di kalangan pegawai yang lain.

Langkah seterusnya yang diperkenalkan adalah mewujudkan audit dalam atau audit luar yang akan dipertanggungjawabkan mengaudit integriti berlandaskan garis panduan CIP yang baru ditandatangani. Langkah ini adalah bagi menyahut cabaran Ketua Pesuruhjaya SPRM dalam ucapannya terdahulu.

Bagi memastikan kerajaan negeri serius melaksanakan langkah tersebut, menurutnya, kesemua langkah tersebut akan mula diperkenalkan dan dilaksanakan bermula 1 Januari 2014.

Dalam pada itu, Pengarah Bahagian Pemeriksaan dan Perundangan SPRM yang bertanggungjawab berkaitan aktiviti CIP, Datuk Mohd Yusof Akope turut hadir semasa majlis tersebut, menyambut baik pengumuman yang dibuat oleh Datuk Seri Ir. Hj Idris Harun.

"Saya menyambut baik komitmen Ketua Menteri Melaka bagi melantik audit dalaman atau audit luar untuk memeriksa dan menyemak pelaksanaan CIP berjalan sebagaimana yang digariskan. Ini adalah komitmen yang sangat tinggi dari seorang ketua sebuah negeri bagi memastikan CIP ini berjalan ke arah kebaikan jangka panjang dari aspek integriti dalam anak syarikat kerajaan negeri", katanya ketika diminta mengulas langkah yang diumumkan ketua menteri tersebut.

Pada masa sama, Idris juga memuji dan mengucapkan tahniah kepada kerana merupakan pasukan bola pertama yang berani mengambil tindakan menandatangani Ikrar Integriti Korporat.

BULETIN
SURUHANJAYA
PENCEGAHAN
RASUAH
MALAYSIA

BULETIN
SURUHANJAYA
PENCEGAHAN
RASUAH
MALAYSIA



Datuk Paul Law Seng Kuan (tiga dari kanan) antara peserta yang mengikuti aktiviti 'Anti-Corruption and Forest Governance Walk' sempena sambutan Hari Anti-Rasuah sedunia. Turut kelihatan Datuk Akhbar Satar (dua dari kiri) Datuk Sutinah (kanan), Datuk Shamshun Baharin (kiri) dan Tuan Haji Samat Kasah (tiga dari kiri).

"Anti-Corruption and Forest Governance Walk" Sempena Hari Anti Rasuah Sedunia.

7 Disember 2013, Kuala Lumpur – Bertempat di Taman Rekreasi Bukit Jalil, seramai lebih kurang 350 orang yang terdiri daripada pelatih-pelatih P29 Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia, Badan Bukan Kerajaan (NGO) dan orang awam telah terlibat menjayakan 'Anti-Corruption and Forest Governance Walk' sempena sambutan Hari Anti Rasuah Sedunia.

Acara tahunan ini dianjurkan oleh Transparency International Malaysia (TI-Malaysia) dengan kerjasama NKRA Membanteras Rasuah dan merupakan anjuran kali kedua. Matlamat utama penganjuran program ini adalah untuk menunjukkan sokongan orang ramai dalam memerangi rasuah di semua lapisan dan untuk meningkatkan kesedaran mengenai isu itu. Sepatah kata Presiden TI-M, Datuk Akbar Satar, " rakyat merupakan pemacu kepada perubahan. Kita mesti bersatu dan berikrar untuk tidak bertoleransi kepada rasuah."

Anti-Corruption and Forest Governance Walk ini dirasmikan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paul Low. Para peserta berarak sejauh 1.5 kilometer sebagai satu simbolik menunjukkan tiada toleransi kepada rasuah. Mereka turut membawa sependuk dan melaungkan slogan "Tolak, tolak, tolak Rasuah."

Program Berbalas Pantun SPRM dan BMR 2013



Barisan Pemantun SPRM diwakili oleh Norazilatulakmar binti Mohd Said (kiri), Mohamad Fuad bin Rozali (tengah) dan Rozila binti Abdullah@Romli (kanan).

3 Disember 2013, Angkasapuri – Pendekatan menyampaikan mesej rasuah dalam pelbagai medium kepada golongan sasar tertentu sememangnya menjadi pilihan agensi-agensi pembanteras rasuah di rantau ini. Kali ini bersempena sambutan Hari Anti Rasuah Sedunia, melalui Program Berbalas Pantun SPRM/BMR 2013, mesej ini telah digarap dalam bentuk pantun dan dipersembahkan secara berbalas pantun antara wakil dua buah negara iaitu Malaysia dan Brunei Darussalam telah dirakamkan di Auditorium P.Ramlee, Angkasapuri. Program ini turut mendapat kerjasama RTM dan RTB sebagai stesen radio penyiar. Di Malaysia, stesen Radio KlasikNasional telah menyiarkannya pada 8 dan 15 Disember 2013 selama setengah jam mulai jam 2.15 petang.

SPRM telah diwakili oleh seramai 4 orang pemantun iaitu KPKPs Rozila binti Abdullah@Romli, PPs Norazilatulakmar binti Mohd Said, PPs Mohamad Adib bin Azami dan PPs Mohamad Fuad bin Rozali (pemantun simpanan), manakala BMR pula diwakili oleh 3 orang pegawainya iaitu Pmg Ketua Penyiasat Khas, Awang Ahmad bin Haji Abd Kahar, Penyiasat Khas Kanan Dayang Siti Suriani binti A.Rais dan Penolong Penyiasat Khas Dayang Zailinawati binti Haji Hassan. Pengerusi Pantun adalah En. Zainal Abidin Bin Abd. Rahman dari RTM.

Pantun yang dipersembahkan turut menyentuh mengenai perpaduan, kebudayaan dan mainan bahasa selain menyelitkan isu rasuah. Besar harapan bagi kedua-dua buah negara ini supaya penganjuran program sebegini bukan sahaja dapat merapatkan silaturahim yang terjalin sejak sekian lama malah dalam masa yang sama ianya dapat mempromosikan kembali pantun yang merupakan budaya Melayu supaya ianya tidak hilang ditelan arus kemodenan zaman. Turut memeriahkan sesi rakaman adalah Pegawai dari Bahagian PenMas SPRM dan Unit PenMas SPRM Negeri Sembilan dan WP Kuala Lumpur selain ahli SPR Universiti Kebangsaan Malaysia. Majlis turut diserikan dengan nyanyian dua buah lagu dari Bintang Radio Klasik DJ Ady.

Wartawan Dihargai di Malam Penghargaan Media 2013

11 Disember 2013, Kuala Lumpur – Penganjuran Malam Penghargaan Media 2013, SPRM dan NKRA Membanteras Rasuah telah menjadikannya sebagai strategi serampang dua mata dengan mengiktiraf serta menghargai peranan media dalam memberikan khidmat penyiaran serta penulisan mengenai SPRM. Ia sekaligus diharapkan dapat meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap peranan yang dijalankan. Program ini juga sebagai jambatan penghubung kepada kerjasama erat dan hubungan baik dalam meneruskan usaha-usaha publisiti yang positif kepada agensi ini.

Program tahunan yang kali ini diadakan di Hotel The Royal Chulan, Kuala Lumpur ini telah disempurnakan oleh YBhg Datuk Haji Hisham Haji Nordin, Pengarah Bahagian Pemantauan dan Penyelaras NKRA Rasuah mewakili Ketua Pesuruhjaya SPRM. Dalam ucapannya turut menyuarakan harapan pihak Pengurusan Tertinggi SPRM supaya pihak media terus memberikan kerjasama tanpa berbelah bagi dan keperluan menyiarkan berita yang tepat dan benar terus kepada pembaca atau penontonnya.

Pada malam itu, sebanyak 60 buah agensi media telah menerima sijil penghargaan atas usaha-usaha



Datuk Haji Hisham Haji Nordin (tengah) dan Tuan Azmi Alias (kanan) menyampaikan sijil penghargaan kepada salah seorang wakil media pada Disember lepas.

kerjasama dengan Bahagian PenMas, Bahagian Komunikasi Strategik dan Bahagian Penyelaras dan Pemantauan NKRA Rasuah SPRM sepanjang tahun 2013. Kemuncak acara turut diadakan penyampaian Anugerah Khas kepada agensi yang layak berdasarkan kepada sumbangan yang diberikan yang telah memberi kesan yang baik dalam meningkatkan imej, persepsi dan keyakinan masyarakat terhadap usaha-usaha memerangi rasuah. Anugerah-anugerah Khas telah diberikan kepada :

1) Bahagian Program TV, TV Al-Hijrah atas usaha membantu PenMas dalam menerbitkan dokumentari Suapan ke Neraka dan Racun Sebuah Tamadun, 60 Minit Bersama Ustad Don, telemovie Aku Bukan Julaibib dan Istimraj serta kerjasama 'airtime' siaran iklan dan jingle

2) Kumpulan Media Karangkrif kerana telah membantu NKRA Membanteras Rasuah mengadakan temubual eksklusif dalam terbitan advertorial dan sisipan di akhbar Sinar Harian.

3) Unit Hal Ehwal Semasa, Bahagian Program TV RTM kerana telah menyediakan slot-slot khas bagi temubual dalam rancangan Lanskap, Isu, Bicara Siswa, Biz Malaysia dan SP1M.

4) Unit Berita TV3 kerana telah membuat liputan skop-skop eksklusif SPRM dalam Buletin Utama, 999 dan Berita 1.30.

5) Editor Meja Berita, Berita Harian kerana telah membantu membuat penulisan rencana dan temubual eksklusif 1 muka surat selain publisiti.

OPERASI BERSAMA KPDNKK-SPRM BERJAYA TANGANI ISU KETIRISAN BARANGAN SUBSIDI

KUALA LUMPUR - Kerjasama agensi penguatkuasaan melalui operasi bersama dengan pendekatan strategi lautan biru berjaya memberi persepsi positif kepada kerajaan dalam menangani isu ketirisan barangan bersubsidi.

Menurut Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Dato Sri Hassan Malek, isu kekurangan barangan bersubsidi di pasaran tempatan kerap dilaporkan media kebelakangan ini berikutan tindakan sesetengah pihak yang menyeleweng dan menyimpan bahan api itu secara haram.

Beliau berkata demikian semasa berucap dalam Majlis penyampaian sijil penghargaan "Operasi Bersama KPDNKK-SPRM 2013 kepada lapan pegawai KPDNKK dan 16 pegawai Cawangan Perisikan Khas, SPRM yang telah terlibat sehingga membawa kejayaan dalam operasi bersama ini pada 5 Disember lepas.

Beliau turut memuji kejayaan kerjasama Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) bersama Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) kerana berjaya menyita sebanyak 283,781 liter minyak diesel dan 732 tong gas bersubsidi melibatkan nilai rampasan melebihi RM800,000.

"Operasi bersama dengan pendekatan strategi lautan biru ini perlulah dikekalkan secara berterusan dan setiap kekurangan hendaklah dibuat penambahbaikan agar setiap tindakan yang dilaksanakan mendapat kejayaan dan memberi kesan dan faedah kepada negara", katanya.

Pada tahun ini, bagi mengekang penyeleweng terhadap barangan bersubsidi, KPDNKK dengan kerjasama SPRM telah menjalankan operasi bersama secara bersepadu bagi menangani aktiviti penyeleweng barangan bersubsidi.

Beliau turut menyampaikan penghargaan dengan mengucapkan tahniah dan syabas kepada kedua-dua pegawai agensi penguatkuasaan yang menunjukkan komitmen dan integriti yang tinggi sehingga operasi bersama ini berjaya dan berharap kedua-dua agensi mengekalkan momentum kecemerlangan dalam menyampaikan perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

"Pada tahun depan kita akan pertingkatkan lagi melalui *blue ocean strategy* bukan sahaja SPRM tetapi juga Kementerian Pertahanan, Kementerian Dalam Negeri, PDRM, income tax (Lembaga Hasil Dalam Negeri)" katanya.

Sementara itu, dalam sidang media berasingan, Timbalan Ketua Pesuruhjaya (Operasi) SPRM,

Datuk Sri Mohd Shukri Abdull memaklumkan bahawa sejumlah 21 operasi bersama KPDNKK-SPRM telah dijalankan pada tahun ini dan 9 tangkapan telah dibuat melibatkan kesalahan memberi rasuah kepada penjawat awam.

Menurutnya, dalam operasi tersebut, sejumlah lebih RM 80,000 nilai rampasan telah berjaya diperolehi melibatkan rasuah RM136,000 dengan nilai rasuah terlibat antara RM2,000 hingga RM70,000.

"Kesemua yang ditangkap telah dibawa ke mahkamah dan mereka juga telah didapati bersalah. KPDNKK juga telah bersetuju untuk memperluaskan dari tahun ke tahun kerjasama operasi ini bagi mengelakkan ketirisan wang kerajaan" tegas Mohd Shukri.

Menurutnya, "kerjasama ini telah dilaksanakan setiap tahun bagaimanapun hanya pada tahun ini ia dilaksanakan secara besar-besaran dan sebelum ini kerjasama dibuat kebanyakan secara adhoc"

Turut hadir dalam majlis tersebut adalah Timbalan Ketua Setiausaha Kepenggunaan dan Pengurusan Datuk Saripudin Kasim, pegawai-pegawai KPDNKK dan agensi di bawah Kementerian tersebut serta pegawai-pegawai SPRM yang terlibat dalam operasi tersebut.

SPRM Akan Tingkat Program Dekati Komuniti Cina



Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengambil maklum hasil kajian kendalian Persekutuan Persatuan-persatuan Cina Malaysia (Huazong), yang antara lain mengatakan 48 peratus responden yang mereka temui, berusia antara 16 dan 45 tahun, tidak mengetahui agensi yang mengendalikan kes rasuah.

Keputusan kajian Huazong itu ada kesamaan dengan hasil kajian kendalian SPRM-UPM baru-baru ini, yang menunjukkan perlu ada inisiatif menyeluruh bagi meningkatkan pengetahuan khusus mengenai SPRM dan menjana sokongan ke atas usaha-usaha dilaksanakan oleh SPRM.

Selain itu, SPRM juga memandang serius 78 peratus responden mengatakan tidak salah menerima 'imbuhan' daripada kontraktor-kontraktor yang berhasrat mengadakan hubungan bisnes dengan mereka.

Sementara SPRM menyambut baik seruan Pemuda Huazong agar semua parti politik menyokong pindaan ke atas Akta SPRM untuk memasukkan peruntukan berkenaan liabiliti korporat, SPRM juga akan memperbanyakkan program bagi mendekati rakyat khususnya komuniti Cina dan golongan berusia bawah 25 tahun pada tahun 2014.

Selain aspek liabiliti korporat, usaha sedang diambil untuk meminda Seksyen 23 dan Seksyen 36 Akta SPRM. Pindaan ini dijangka akan dibawa ke Parlimen tahun depan.

Sebagai sebuah agensi pencegahan rasuah dan selari dengan keperluan Akta SPRM, SPRM telah mengadakan pelbagai program menyemai kesedaran antirasuah dan memupuk integriti di kalangan orang ramai termasuk kaum Cina.

SPRM sedang menyusun siri program bagi menjalin kerjasama erat dengan pelbagai pihak termasuk pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan dan parti-parti politik, khususnya di bawah Program Transformasi SPRM bidang pencegahan.

SPRM yakin usaha menyeluruh merangkumi masyarakat pelbagai lapisan akan membantu meningkatkan sokongan orang ramai ke atas SPRM bagi memerangi rasuah.

SPRM juga mengalu-alukan pandangan dan cadangan daripada semua pihak bagi memerangi rasuah habis-habisan di negara ini. Usaha memupuk nilai-nilai murni menghindari rasuah memerlukan kerjasama setiap anggota masyarakat, kata Pengarah Bahagian Pendidikan Masyarakat SPRM Datuk Shamshun Baharin Mohd Jamil.

UJIAN KEMAHIRAN MENEMBAK SPRM ERATKAN KERJASAMA PELBAGAI JABATAN

KAJANG, 16 November- Ujian kemahiran menembak Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bersama Ketua Setiausaha Negara Tahun 2013 di Lapang Sasar Maktab Penjara Malaysia, Kajang, Selangor berjaya menarik penyertaan beberapa agensi kerajaan.

Penyertaan Ketua-Ketua Pengarah beberapa agensi ini mampu meningkatkan kerjasama erat dan platform kepada SPRM bagi meraih sokongan agensi berkenaan membantu usaha-usaha SPRM membanteras rasuah, penyeleweng dan salah guna kuasa merentasi sempadan agensi.

Ianya juga dilihat sebagai asas untuk memperkukuhkan lagi jalinan rangkaian SPRM bersama agensi kerajaan yang lain.

Selain Ketua Pesuruhjaya SPRM, Tan Sri Abu Kassim Mohamed dan Timbalannya Datuk Zakaria Jaffar, turut menyertai ujian kemahiran menembak kali ini ialah Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Malaysia, Datuk Prof Dr. Haji Abd Rahman Haji Rahim; Ketua Pengarah Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Laksamana Maritim Datuk Mohd Amdan Kurish; Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar (JAS), Datuk Halimah Hassan dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Datuk Haji Othman Mustapha.

Turut serta Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia, Datuk Johari Jamaluddin; Pengarah Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP), Idham Abdul Ghani; Pengarah Maktab Penjara Malaysia, Ibrism Abdul Rahman; Panel Perundangan dan Pencegahan Rasuah (LPPR), Datuk David Chua Kok Tee dan Syed Akhbar Ali.

Program anjuran Bahagian Keselamatan ini turut disertai Pengarah-pengarah Bahagian dan beberapa orang bekas pegawai kanan SPRM.



Inilah
hiasan tangan
PERASUAH

"Jangan **Beri**,
Jangan **Terima**"



SURUHANJAYA PENCEGAHAN RASUAH MALAYSIA

Panggilan Talian Bebas Tol kami:

1-800-88-6000

BEBAS • TELUS • PROFESIONAL

Email: info@sprm.gov.my

Web: www.sprm.gov.my

SMS: 019-6000 696